



Apa itu Pengurangan Kemudaran?

Satu kenyataan pendirian daripada Pertubuhan Pengurangan Kemudaran Antarabangsa (IHRA)

Pengurangan kemudaran merujuk kepada polisi, program dan pengamalan yang bertujuan untuk mengurangkan kemudaran yang berkait rapat dengan penggunaan dadah yang psikoaktif oleh individu yang tidak mampu atau tidak ingin berhenti menggunakannya. Aspek khusus yang mendefinisikannya adalah fokus yang menekankan kepada pencegahan kepada kemudaran daripada pencegahan penggunaan dadah serta memberi fokus kepada pengguna dadah sebagai seorang individu.

Pengurangan kemudaran semakin mendapat perhatian dan diperbincangkan sejak peningkatan jangkitan HIV di kalangan mereka yang mengguna dadah dikenal pasti. Walau bagaimanapun, pendekatan yang sama sebenarnya telah lama digunakan dalam beberapa konteks terhadap pelbagai jenis dadah yang berlainan.

Pengurangan kemudaran bertindak sebagai pelengkap kepada strategi-strategi lain yang menjurus kepada pencegahan atau pengurangan penggunaan dadah. Strategi pengurangan kemudaran adalah berasaskan kepada pengiktirafan bahawa di seluruh dunia, ramai orang tetap menggunakan dadah psikoaktif walaupun telah diambil tindakan berat dalam usaha mencegah serta menghentikan penggunaan dadah. Statistik pengurangan kemudaran menunjukkan bahawa ramai individu yang mengguna dadah tidak mampu atau tidak ingin berhenti mengguna dadah pada sesuatu masa yang tertentu. Akses terhadap rawatan yang berkesan adalah penting bagi individu yang menghadapi masalah penggunaan dadah, tetapi ramai daripada mereka yang menghadapi masalah penggunaan dadah tidak mampu atau tidak ingin mendapat rawatan. Tambahan lagi, kebanyakan individu yang mengguna dadah tidak memerlukan rawatan. Pengguna dadah perlu diberi pilihan bagi membantu mengurangkan kemudaran dan risiko akibat daripada penggunaan dadah yang berterusan, dan juga mengurangkan risiko yang terdedah kepada diri mereka atau individu lain.

Berikutan itu, maklumat dan perkhidmatan tentang pengurangan kemudaran serta intervensi yang wujud adalah penting bagi membantu mereka kekal sihat dan selamat. Membiarkan individu ini menderita serta mati daripada penyebab-penyebab yang boleh dicegah bukan merupakan pilihan yang wajar. Pengguna dadah kebanyakan lebih selesa menggunakan pendekatan secara tidak formal dan bukan secara klinikal untuk mengurangkan penggunaan dadah atau mengurangkan risiko yang berkaitan dengan penggunaan dadah mereka.

Kenyataan ringkas ini menggariskan ciri-ciri utama strategi Pengurangan Kemudaran. Kenyataan ini bersabit dengan kesemua dadah psikoaktif, termasuklah dadah yang terkawal, alkohol, tembakau dan ubat farmasi (pharmaceutical drugs). Walaubagaimanapun intervensi Pengurangan Kemudaran mungkin berbeza untuk dadah yang berlainan. Pembaca boleh melayari laman web IHRA (www.ihra.net) untuk mengetahui lebih lanjut tentang intervensi Pengurangan Kemudaran.

Definisi

'Pengurangan Kemudaran' merujuk kepada polisi, program dan pendekatan dengan tujuan utamanya untuk mengurangkan kemudaran kesihatan, sosial serta ekonomi dalam penggunaan dadah psikoaktif yang dibenarkan dari sisi undang-undang atau yang haram tanpa mewajibkan pengurangan pengambilan dadah. Strategi pengurangan kemudaran memberi manfaat kepada pengguna dadah, ahli keluarga mereka serta komuniti sekelilingnya.

Prinsip

Pendekatan pengurangan kemudaran terhadap dadah adalah berasaskan komitmen tinggi terhadap kesihatan awam serta hak asasi manusia.

Memberi fokus kepada risiko dan kemudaran

Pengurangan kemudaran adalah satu pendekatan yang memberi fokus kepada risiko dan kemudaran yang spesifik. Ahli-ahli politik, para penggubal polisi, ahli-ahli komuniti, para penyelidik, pekerja-pekerja dalam barisan hadapan (frontline workers) serta individu yang mengguna dadah perlu menentukan:

- Apakah risiko serta kemudaran khusus yang berkaitan dengan penggunaan sesuatu dadah psikoaktif?
- Apakah yang menyebabkan risiko serta kemudaran berkenaan?
- Apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengurangkan risiko serta kemudaran berkenaan?

Pengurangan kemudaratannya memberi fokus kepada penyebab-penyebab risiko serta kemudaratannya. Proses mengenal pasti kemudaratannya yang khusus, penyebab-penyebabnya, serta keputusan memilih intervensi yang bersesuaian memerlukan penilaian yang sewajarnya terhadap masalah dan tindakan yang bakal diambil. Selain menyesuaikan intervensi pengurangan kemudaratannya mengikut pelbagai konteks untuk menangani risiko dan kemudaratannya yang khusus, faktor-faktor lain yang menyebabkan individu mengambil dadah perlu juga diambil kira terutamanya pengguna dadah yang terdedah kepada risiko seperti faktor umur, jantina dan pengurangan (seperti penjara).

Berasaskan bukti dan penjimatan kos (cost effective)

Pendekatan pengurangan kemudaratannya adalah praktikal, boleh dilaksanakan, berkesan, selamat serta menjimatkan kos. Pengurangan kemudaratannya mempunyai komitmen dalam merangka polisi serta perlaksanaannya berasaskan bukti saintifik yang teguh. Kebanyakan pendekatan pengurangan kemudaratannya adalah murah, senang dilaksanakan serta mempunyai impak yang besar terhadap kesihatan individu serta komuniti. Dalam dunia yang sentiasa kekurangan sumber yang mencukupi ini, manfaat yang diperolehi perlu dimaksimumkan sementara intervensi kos rendah/impak besar adalah lebih diberi keutamaan daripada intervensi kos tinggi/impak kecil.

Penambahbaikan (Incremental)

Pengamal pengurangan kemudaratannya mengiktiraf kepentingan apa jua perubahan positif yang dilakukan oleh individu dalam kehidupannya. Intervensi pengurangan kemudaratannya adalah bersifat memudahkan daripada memaksa, serta berasaskan keperluan seseorang manusia. Oleh demikian, perkhidmatan pengurangan kemudaratannya adalah direka khas untuk memenuhi keperluan manusia sebagaimana kehidupan yang dilalui mereka. Pencapaian kecil yang dilakukan oleh ramai individu adalah lebih bermanfaat kepada komuniti daripada pencapaian yang sangat besar oleh beberapa individu sahaja. Kebanyakan individu adalah lebih cenderung untuk mengambil beberapa langkah kecil daripada satu atau dua langkah yang besar. Objektif pengurangan kemudaratannya dalam satu konteks yang khusus selalunya boleh diubahsuai ke bentuk hierarki di mana pilihan-pilihan yang lebih mampu dilaksanakan terletak pada satu hujung hierarki (seperti cara-cara untuk memastikan individu berkenaan sihat) dan pilihan yang kurang mampu dilaksanakan tetapi lebih diingini terletak pada hujung yang satu lagi. Penahanan diri daripada dadah boleh dianggap sebagai pilihan yang kurang mampu dilaksanakan tetapi diingini untuk pengurangan kemudaratannya dalam hierarki seperti ini. Memastikan pengguna dadah meneruskan kehidupan dan dicegah daripada kecederaan/kesakitan yang tidak dapat dirawat adalah dianggap sebagai pilihan yang perlu diberi keutamaan yang segera, dan pada masa yang sama adalah diiktiraf bahawa terdapat banyak lagi keutamaan yang perlu diberi perhatian.

Maruah dan belas kasihan

Pengamal pengurangan kemudaratannya menerima individu seadanya dan cuba mengelak daripada bersifat menghakim/menilai. Individu yang menggunakan dadah sudah tentu merupakan anak kepada orang lain, abang, kakak, adik atau ibu bapa kepada orang lain. Belas kasihan ini dipanjangkan kepada keluarga individu yang mempunyai masalah dadah, serta komuniti-komuniti sekitar mereka. Pengamal pengurangan kemudaratannya juga membantah stigma yang sengaja diberi kepada individu yang menggunakan dadah. Menggambarkan individu sebagai 'penyalahguna dadah', 'penyebab masalah', 'berseronok ikut nafsu', 'sampah masyarakat', atau 'musuh masyarakat' menggalakkan stereotaip, peminggiran serta mewujudkan halangan untuk membantu mereka yang menggunakan dadah. Istilah dan bahasa yang digunakan seharusnya menyampaikan mesej yang bersifat hormat-menghormati dan toleransi.

Bersifat sejagat dan saling bergantung antara hak (Universality and interdependence of rights)

Hak asasi manusia adalah meliputi setiap orang. Individu yang menggunakan dadah tidak dikecualikan daripada memiliki hak asasi mereka, termasuklah hak bagi mereka untuk mendapat perkhidmatan kesihatan yang paling sempurna yang mampu diberikan, hak untuk perkhidmatan sosial, hak untuk bekerja, hak untuk mendapat manfaat daripada perkembangan saintifik, hak untuk dilindungi daripada tahanan tanpa sebab, serta bebas daripada didera secara tidak perikemanusiaan dan layanan yang memalukan seseorang. Pengurangan kemudaratannya menentang kecederaan dan kemudaratannya terhadap individu yang menggunakan dadah diakibatkan atas nama pengawalan dadah dan pencegahan dadah, serta menyaran respon terhadap penggunaan dadah yang berdasarkan nilai hormat-menghormati serta melindungi hak asasi manusia.

Mencabar polisi serta pengamalan yang memaksimumkan kemudaratannya

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan risiko dan kemudaratannya yang berkait dengan dadah, termasuklah tingkah laku dan pilihan individu, persekitaran mereka yang menggunakan dadah, serta undang-undang dan polisi yang bertujuan untuk mengawal penggunaan dadah. Banyak polisi dan pengamalan secara langsung dan tidak langsung menyebabkan atau menambah buruk risiko dan kemudaratannya kepada individu yang menggunakan dadah. Ini termasuklah: menjadikan penggunaan dadah sebagai jenayah, diskriminasi, penghinaan dan pengamalan polisi yang terpesong, polisi dan undang-undang yang bersifat pengawalan dan penghukuman, penafian terhadap perkhidmatan perubatan dan pengurangan kemudaratannya yang menyelamatkan nyawa, serta ketidakadilan masyarakat. Polisi serta amalan pengurangan kemudaratannya harus menyokong perubahan tingkah laku pengguna dadah. Walau bagaimanapun, adalah penting bagi pengurangan kemudaratannya untuk mencabar polisi serta undang-undang antarabangsa dan kebangsaan yang mewujudkan persekitaran penggunaan dadah berisiko tinggi serta mengakibatkan kemudaratannya yang berkaitan dengan dadah.

Transparansi, bertanggungjawab dan penglibatan

Pengamal dan pihak yang membuat keputusan adalah bertanggungjawab terhadap intervensi dan keputusan mereka, serta keberkesanan keputusan mereka. Prinsip pengurangan kemudaratannya menggalakkan dialog terbuka, perundingan serta perdebatan. Pelbagai pihak yang berkaitan perlu melibatkan diri secara bermakna dalam proses penghasilan polisi serta pelaksanaan program, penyampaian program serta penilaiannya. Secara khususnya, individu yang menggunakan dadah dan komuniti lain yang dipengaruhi isu dadah perlu dilibatkan dalam proses membuat keputusan yang bakal mempengaruhi hidup mereka.

IHRA: MEMPROMOSIKAN PROGRAM PENGURANGAN KEMUDARATAN SECARA GLOBAL

Apa itu Pengurangan Kemudaratannya/Risiko?

Satu kenyataan pendirian daripada. International Harm Reduction Association, London, United Kingdom, Bahasa Malaysia, April 2010

